

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



**Penyelidikan, teknologi
pertingkat produktiviti**

► MUKA 2

**Ahmad Hamzah dilantik
Pengerusi MPOB**

► MUKA 5



Misi perkukuh imej minyak sawit di Eropah

➔ **Tangani
keimbangan
terhadap isu
keselamatan
makanan**

**Oleh Rafizah Mazlan dan
Dr. Kalanithi Nesaretnam**
rafizah@mpob.gov.my,
sarnesar@mpob.gov.my

► **Brussels**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Mah Siew Keong mengetuai delegasi Malaysia mengadakan misi promosi dan teknikal ke Belgium, Perancis dan United Kingdom bagi memperkukuhkan imej minyak sawit di negara Eropah.

Misi Promosi dan Teknikal Sawit, Getah dan Kayu-Kayan turut disertai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan; Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Kushairi Din, Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dato' Lee Yeow Chor, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron; pegawai Lembaga Getah Malaysia (LGM), Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan Majlis Pensijilan Kayu-Kayan Malaysia (MTCC).

Misi ini bertujuan menangani kebimbangan terhadap isu keselamatan makanan berkaitan minyak sawit yang hangat dibincangkan di Eropah berikutan laporan yang dikeluarkan oleh European Food Safety Authority (EFSA) pada bulan Mei 2016 mengenai kandungan bahan kontaminasi 3-monokloropropandiol (3-MCPD) ester dan glisidol ester (GE) dalam minyak sawit bertapis.

Namun laporan tersebut turut menyatakan kesan kesihatan terhadap manusia masih belum dapat disahkan secara ujian klinikal. Oleh itu, had 3-MCPD ester dan GE yang dibenarkan dalam minyak sayuran belum diwartakan oleh Kesatuan Eropah (EU).

Cukai tambahan yang telah dicadangkan di Parlimen Perancis juga merupakan antara agenda lawatan ini disamping untuk memperkukuhkan pasaran minyak sawit, getah dan kayu kayan di negara-negara tersebut.

Seminar 3-MCPD ester

Ketika di Brussels, MPOB telah menganjurkan seminar bertema 3-MCPD ester, dan kemampuan minyak sawit yang dirasmikan oleh Datuk Seri Mah. Seminar bertujuan menyebarkan maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi memastikan minyak sawit Malaysia selamat untuk dimakan.

Mah turut mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Parlimen Eropah (MEPs) dan wakil-wakil sektor swasta seperti European Palm Oil Alliance (EPOA), Belgian Alliance for Sustainable Palm Oil (BASP) dan European Sustainable Palm Oil Advocacy Group (ESPOAG).

Peluang ini dimanfaatkan bagi membincangkan isu dan perkembangan terkini industri minyak dan lemak terutamanya minyak sawit. Perbincangan ini dilihat sangat penting bagi menjaga kepentingan pasaran minyak sawit serta meraih sokongan mereka dalam usaha memperkukuhkan imej minyak sawit di rantau Eropah.

Semasa di Perancis, delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dua hala dengan wakil Kementerian Alam Sekitar, Tenaga dan Marin Perancis, Barbara Pompili iaitu pemimpin Perancis yang kuat memperjuangkan cadangan cukai tambahan ke atas minyak sawit di bawah rang undang-undang biodiversiti.



Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (dua dari kanan) ketika pertemuan dengan wakil-wakil industri di Paris, Perancis. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan (tiga dari kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din (kiri).

Pindaan tersebut berasaskan dakwaan industri minyak sawit menyumbang kepada penebangan hutan dan kehilangan ekosistem dan kesan-kesan kesihatan penggunaan minyak sawit.

Pada awal tahun ini, negara Perancis bercadang untuk memperkenalkan cukai tambahan bagi minyak sawit tidak mampan yang digunakan dalam makanan mulai tahun 2017.

Selain cukai sedia ada iaitu pada kadar €104 setan, pengubal undang-undang Perancis juga bercadang untuk mengenakan cukai tambahan secara progresif sehingga mencapai €90 setan pada tahun 2020 dimana jumlah cukai yang akan dikenakan adalah sebanyak €194 setan menje-

lang tahun 2020.

Walau bagaimanapun pindaan tersebut dibatalkan berikutan tentangan hebat pelbagai pihak khususnya negara-negara pengeluar minyak sawit seperti Malaysia dan Indonesia.

Cadangan pelbagai isu

Selain itu, delegasi turut mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak berkepentingan lain termasuk Ahli Parlimen Perancis, pegawai kanan kerajaan, kumpulan pakatan minyak sawit dan CIRAD yang merupakan sebuah organisasi penyelidikan pertanian dan hubungan antarabangsa Perancis bagi membincangkan cadangan pelbagai isu yang melibatkan komoditi utama Malaysia.

Semasa di London, Mah bersama-sama delegasi bertemu Ahli-ahli Parlimen United Kindom dan membincangkan tentang hubungan perdagangan dua hala dalam produk-produk komoditi terutama dalam pembangunan produk hili-

Di samping itu, delegasi MPOB turut melawat Imperial College London dan melihat perkembangan projek penyelidikan usahasama antara universiti tersebut dan MPOB selain meninjau fasiliti yang ditawarkan di sana.

Negara-negara Eropah merupakan antara pasaran utama bagi produk sawit Malaysia dimana pada tahun 2015, eksport produk sawit Malaysia bernilai RM 9.89 billion.

Penggunaan secara cekap inovasi dan teknologi baharu adalah penting bagi menjana pembangunan ekonomi termasuk kemajuan sektor komoditi yang merupakan antara sektor utama ekonomi negara.

Ke arah memupuk kecemerlangan inovasi dalam bidang penyelidikan dan perkhidmatan khususnya di sektor komoditi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menganjurkan Hari Inovasi pada September lalu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur yang mewakili Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, dalam ucapannya menekankan kepentingan inovasi bagi menggalakkan daya saing negara dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cepat, cekap dan berkesan.

Inovasi yang dihasilkan melalui penyelidikan dan proses penambahbaikan perkhidmatan penting terutama dalam pelaksanaan program transformasi kerajaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Dengan tema 'Inovasi Menjana Peningkatan Sumbangan Sektor Komoditi', penglibatan pihak kementerian dan agensi memanfaatkan inovasi dan teknologi berupaya mewujudkan peluang baharu bernilai tinggi bagi kesejahteraan masyarakat, sosial dan ekonomi.

Pemilihan tema ini adalah sejajar dengan pengisytiharan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 yang memberi tumpuan terhadap 'Science, Technology and Innovation for Wealth Creation' yang bermatlamat meningkatkan pencapaian pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Amalan inovatif dalam sektor komoditi juga penting bagi mencapai matlamat Dasar Komoditi Negara (DKN) ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam

R&D teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi.

Melalui penghasilan produk bernilai tambah, jaringan kolaborasi R&D tempatan dan antarabangsa akan memaju sektor komoditi serta penghasilan produk baharu dari bahan komoditi.

Dalam konteks kecemerlangan inovasi, MPOB berbangga kerana mendapat pengiktirafan di Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) peringkat MPIC bagi tahun 2016.

Projek 'Transaksi Kutipan Wang SES Sukar Dikesan' muncul juara bagi kategori pengurusan manakala projek 'Penggunaan Batang Sawit Tidak Optimum dan Pembuatan Papan Gantian' mendapat tempat kedua kategori teknikal.

MPOB telah berjaya merangkul kejuaraan KIK peringkat kementerian selama tiga tahun berturut-turut.

Pada September lalu, MPOB juga menganjurkan beberapa seminar dalam dan luar negara bagi memperkenalkan teknologi baharu dan maklumat terkini kepada pihak industri dan pihak berkepentingan.

Seminar tenaga kerja dan mekanisasi ladang dianjurkan serentak di Sabah yang membincangkan perkembangan status tenaga kerja dalam industri sawit dan penggunaan jentera di sektor perladangan.

Dalam bidang mekanisasi, MPOB telah memperkenalkan lebih 35 teknologi bagi tujuan pengkomersialan kepada pihak industri.

Antara yang telah dikomersial dan diguna pakai oleh sektor perladangan dan pekebun kecil meliputi Cantas, Grabber, Motorsikal Treler, Rhyno dan Beluga.

Penggunaan jentera menyumbang kepada kecekapan operasi ladang sawit khususnya aktiviti penuaian dan pengangkutan buah sawit.

Bagi menggalakkan pengusaha ladang sawit meningkatkan penggunaan jentera dalam operasi perladangan, MPOB menyediakan Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit (OPMIS) dengan penawaran diskaun sehingga 20 peratus daripada harga kilang.

MPOB bersama MPOB terus berusaha memperkukuhkan perdagangan dan mempertahankan imej minyak sawit khususnya di pasaran Eropah.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi mengetuai misi promosi dan teknikal ke Belgium, Perancis dan United Kingdom bagi mengadakan pertemuan dengan wakil kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pengubalan polisi dan perdagangan minyak dan lemak.

Semasa di Brussels, MPOB menganjurkan seminar 3-MCPD yang memberi penerangan mengenai isu berkaitan kualiti minyak sawit dan pensijilan mampan bagi meningkatkan keyakinan pengguna terhadap minyak sawit Malaysia.

MPOB juga menganjurkan Seminar Teknikal MPOB di Yangon, Myanmar sempena lawatan yang diketuai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi ke negara berkenaan.

Penganjuran seminar bertujuan memberi penerangan teknikal mengenai kegunaan dan keistimewaan minyak sawit dalam sektor makanan dan bukan makanan.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong diiringi Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Zurinah Pawanteh melawat pameran MPOB sempena Agri Malaysia 2016 di Melaka.

Penyelidikan, teknologi peringkat produktiviti

➔ Inovasi baharu pastikan industri sawit mampu penuhi peningkatan permintaan dunia

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

➔ Melaka

Penyelidikan intensif dan inovasi baharu dalam industri sawit perlu untuk memastikan industri itu mampu memenuhi peningkatan permintaan dunia untuk minyak dan lemak.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata permintaan global untuk minyak dan lemak dijangka meningkat dan Malaysia perlu memenuhi kenaikan itu secara mampan melalui penggunaan teknologi untuk menambah pengeluaran minyak sawit.

"Hakikatnya sawit adalah pengeluaran minyak sayuran yang paling produktif. Ia sembilan kali lebih produktif berbanding soya dan lima kali lebih produktif daripada biji sesawi.

"Jika kita berupaya meningkatkan kadar perahan minyak (OER) purata daripada 20 peratus ketika

ini kepada 24 peratus, sekali gus pengeluaran akan bertambah sebanyak 20 peratus tanpa pembukaan tanah baharu untuk perladangan sawit," katanya semasa merasmikan Malaysia International Agriculture Technology Exhibition 2016 (Agri Malaysia 2016) di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini baru-baru ini.

Mah juga berkata industri sawit negara perlu mengenal pasti kaedah untuk mencatat kenaikan OER.

"Disinilah penyelidikan dan hasil pencapaian minyak sawit diperlukan bagi memastikan industri mampu memenuhi pertumbuhan permintaan dunia," katanya.



Jika kita berupaya meningkatkan kadar perahan minyak (OER) purata daripada 20 peratus ketika ini kepada 24 peratus, sekali gus pengeluaran akan bertambah sebanyak 20 peratus tanpa pembukaan tanah baharu untuk perladangan sawit"

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

Beliau berkata industri sawit adalah komponen penting dalam sektor pertanian negara serta rantaian bekalan makanan kerana minyak sawit adalah minyak sayuran yang paling banyak digunakan sebagai minyak masak.

Pada tahun 2015, Malaysia menghasilkan 32 peratus pengeluaran minyak sawit dunia dan membekal 36.5 peratus kepada jumlah eksport minyak sawit global.

Sementara itu, eksport sektor pertanian negara meningkat 2.6 peratus kepada RM87.8 bilion pada enam bulan pertama 2016 berbanding tempoh sama tahun lepas walaupun ekonomi dunia semasa mengalami kelembapan.

"Banyak cabaran ekonomi dialami tahun ini dengan beberapa negara utama seperti China berdepan kesuraman ekonominya namun, eksport sektor pertanian negara kita mencatat kenaikan, ia adalah sesuatu yang baik," kata beliau.

Eksport sektor pertanian Malaysia pada 2015 bernilai RM184.4 bilion manakala eksport produk komoditi menyumbang 64.5 peratus bagi sektor itu. Eksport produk komoditi meningkat kepada RM117.1 bilion tahun lepas berbanding RM116.5 bilion pada 2014.

"Eksport produk komoditi utama ialah minyak sawit, getah, produk kayu, lada dan koko," katanya.

Beliau berkata sektor pertanian adalah tonggak penting kepada ekonomi negara dengan sumbangan 8.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada 2015.

MPOB anjur Seminar 3-MCPD, Kemamanan Minyak Sawit di Belgium

➔ Sebar maklumat minyak sawit Malaysia selamat dimakan

Oleh Rafizah Mazlan dan Dr Kalanithi Nesaretnam rafizah@mpob.gov.my & sarnesar@mpob.gov.my

Brussels

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menganjurkan satu seminar bertemakan 3-MCPD ester dan kemampunan minyak sawit bertujuan menyebarkan maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia sejak tahun 2009 untuk memastikan minyak sawit Malaysia selamat untuk dimakan.

Seminar dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong turut dihadiri oleh Duta Besar Malaysia ke Belgium/Luxembourg, Dato' Hasnudin Hamzah.

3-MCPD adalah bahan kontaminasi dalam minyak sayuran ber-

punca daripada proses pengeluaran minyak tersebut.

Seminar itu turut membincangkan teknologi sedia ada yang mampu menurunkan paras 3-MCPD ester dan GE dalam pemrosesan minyak sawit.

Lebih 100 peserta hadir

Seminar dihadiri lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil industri sawit, pertubuhan pakatan minyak sawit dan sektor industri makanan Eropah.

Seminar ini adalah satu platform bagi MPOB untuk berinteraksi dengan peserta tentang isu keselamatan makanan berikutan laporan yang diterbitkan oleh European Food Safety Authority (EFSA) yang melaporkan kandungan bahan kontaminasi 3-monokloropropandiol (3-MCPD) ester dan glisidol ester (GE) dalam minyak sawit bertapis adalah lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain.

Kesan kesihatan belum disahkan

Mah dalam ucapannya menegaskan bahawa industri minyak sawit Malaysia yang bakal berusia 100 tahun pada tahun 2017 akan terus mengamalkan langkah-langkah untuk menghasilkan minyak sawit yang berkhasiat dan



Datuk Seri Mah Siew Keong berucap merasmikan Seminar 3-MCPD dan Kemampunan Minyak Sawit di Belgium.

selamat dimakan oleh masyarakat global.

Katanya, laporan berkenaan menyatakan kesan kesihatan terhadap manusia masih belum dapat disahkan secara ujian klinikal. Oleh itu, had 3-MCPD ester dan GE yang dibenarkan dalam minyak sayuran masih dalam perbincangan dan belum diwartakan oleh Kesatuan Eropah (EU).

Seminar di Brussels turut mengetengahkan pensijilan minyak sawit mampan-Malaysian Standard on Sustainable Palm Oil (MSPO) kepada peserta dan komitmen kerajaan Malaysia dalam usaha untuk memastikan penghasilan mi-

nyak sawit secara lestari. Menurut maklum balas yang diterima daripada peserta, seminar tersebut boleh dianggap amat berjaya, sangat berinformasi dan berjaya meningkatkan pemahaman mereka tentang minyak Malaysia yang dihasilkan secara teratur dan terkawal.

Sesi dialog menteri dengan wakil industri komoditi

Oleh Fadzil Ghazali afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong mengadakan dialog bersama agensi kerajaan dan persatuan berkaitan komoditi untuk mengetahui isu dan cabaran industri di sektor komoditi termasuk sawit dan biobahan api, kayu-kayan, getah, koko, lada, kenaf, tembakau dan sagu.

Perjumpaan pertama selepas dilantik menteri

Ini adalah perjumpaan pertama seumpamanya selepas beliau dilantik sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Perjumpaan itu turut memberi peluang kepada beliau merangka bajet untuk menyelaras strategi bagi membangunkan industri komoditi negara.

Mesyuarat dua hari itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M Nagarajan dan timbalannya, Zurinah

Pawanteh.

Wakil daripada persatuan industri seperti Persatuan Pengilang Minyak Sawit Malaysia (PORAM), Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA), Persatuan Penuai Kelapa Sawit Malaysia (MOPDA), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengilang Sawit Malaysia (PO-MA), Sarawak Oil Palm Plantation Owners Association (SOPPOA) dan Persatuan Biodiesel Malaysia (MBA) diminta memberi penjelasan mengenai isu semasa industri sawit negara.

Bincang pelbagai isu

Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai struktur cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) dan polisi pemberian lesen mengilang, insentif untuk pengeksportan produk tambah nilai, GST, biodiesel dan kempen anti minyak sawit di Eropah.

Kementerian mengambil perhatian segala pandangan yang diberikan oleh wakil industri dan bersetuju untuk menimbang dan memperhalusi cadangan yang telah dikemukakan oleh mereka.



Datuk Seri Mah Siew Keong (tengah) mempengerusikan dialog bersama wakil industri komoditi di MPIC, Putrajaya yang turut disertai Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M Nagarajan (kiri).

Penggiat industri sawit disaran teroka pasaran Myanmar

➔ Sektor swasta perlu main peranan bentuk rangkaian perniagaan

Oleh **Hisamudin Mohamad Aspar dan Norasliza Semiran**
hispar@mpob.gov.my
norasliza@mpob.gov.my

► Myanmar

Sektor swasta dan penggiat industri Malaysia dan Myanmar disaran meneroka pasaran terutama dalam membentuk rangkaian perniagaan bagi meningkatkan perdagangan dan menggalakkan penggunaan minyak sawit di negara itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berkata demikian ketika merasmikan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Yangon, baru-baru ini.

Katanya, sektor swasta di Malaysia dan Myanmar perlu bersama-sama berperanan meneroka langkah dalam membentuk rangkaian perniagaan untuk menggalakkan penggunaan minyak sawit dengan lebih luas.

“Pengusaha minyak dan lemak Myanmar digalakkan mengambil peluang daripada liberalisasi ekonomi yang dilaksanakan negara ini untuk mengimport lebih banyak produk sawit dari Malaysia.

“Dengan menerima pakai dasar-dasar baru kerajaan ke arah liberalisasi ekonomi dan sumber negara, sektor makanan dan bukan makanan di Myanmar mempunyai potensi besar untuk terus berkembang ke tahap yang lebih tinggi dan seterusnya membuka ruang kepada penggunaan minyak sawit yang lebih banyak.

Tingkat kesedaran pengguna Myanmar

Beliau juga menekankan, Malaysia bersedia untuk membantu dalam meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna Myanmar.

“Malaysia, menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) se-



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menyampaikan ucapan dan merasmikan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Yangon, Myanmar.

dia membantu dalam meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna serta mengadakan penyelidikan yang spesifik terhadap penggunaan minyak sawit di Myanmar.

Katanya, MPOB bersedia untuk bekerjasama dengan pelabur serta berjumpa dengan pembeli yang berpotensi dalam usaha untuk membangunkan pasaran dan me-

luaskan penggunaan minyak sawit Malaysia di Myanmar.

“Industri sawit boleh menjadi kunci kepada peningkatan hubungan perdagangan dua hala Malaysia dan Myanmar,” katanya.

MTecS Myanmar dianjurkan oleh MPOB dengan kerjasama Pejabat Kedutaan Malaysia di Yangon sempena Misi Ekonomi dan Teknikal Minyak Sawit dan Kayu Ka-

yan ke Myanmar yang diketuai Datuk Datu Nasrun pada September lalu.

Yang turut hadir pada majlis itu Duta Besar Malaysia ke Myanmar, Mohd Haniff Abd Rahman; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Toisin Gantor.

MTecS Myanmar 2016 bertujuan menyebarkan maklumat berkaitan hasil penyelidikan saintifik terkini minyak sawit serta mewujudkan kesedaran tentang kebaikan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di Myanmar.

Seminar turut bertujuan menggalakkan pengusaha minyak dan lemak Myanmar untuk mendapatkan bekalan minyak dan produk sawit dari Malaysia.

MTecS Myanmar menekankan aspek teknikal minyak sawit yang meliputi khasiat pemakanan, pemprosesan dan penggunaan dalam industri pembuatan makanan dan bukan makanan.

Aspek jaminan kualiti produk minyak sawit Malaysia juga diberi penekanan.

Pada tahun 2015 Malaysia mengeksport 219,237 tan produk sawit ke Myanmar merangkumi minyak sawit sebanyak 205,937 tan metrik atau 93.9% daripada jumlah keseluruhan produk sawit diekspor ke negara itu, diikuti oleokimia (4.9%), produk siap (1.1%) dan minyak isirung sawit sebanyak sembilan tan.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2016, Malaysia mengeksport seba-

Pergiat usaha hasil inovasi untuk pengkomersialan

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengesahkan semua pegawai kementerian dan agensi di bawahnya menggiatkan usaha bagi menghasilkan inovasi yang boleh dikomersialkan ke arah meningkatkan sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi negara.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena sambutan Hari Inovasi dan Perhimpunan Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) 2016 di sini, baru-baru ini. Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

“Inovasi dalam perkhidmatan awam adalah penting kerana ia menggalakkan daya saing negara dan ia harus menjadi keutamaan kita untuk terus mempergiatkan usaha bagi menyemarakkan budaya inovasi serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih cepat, cekap dan berkesan.

Katanya, hari inovasi diadakan selaras usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara, khususnya bagi

mentransformasikan sektor awam.

“Inovasi dan transformasi adalah dua perkara yang diberikan perhatian khas oleh kerajaan dalam usaha menuju ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang hanya berbaki empat tahun sahaja lagi.

Wujudkan peluang baharu

Tema ‘Inovasi Menjana Peningkatan Sumbangan Sektor Komoditi’ dipilih bagi menggalakkan MPIC dan agensi menterjemahkan strategi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang mewujudkan peluang baharu bagi menghasilkan nilai yang lebih tinggi untuk masyarakat dari segi sosial dan ekonomi.

Tema itu selari dengan tema Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 iaitu ‘STI for Wealth Creation’ yang bermatlamat meningkatkan pencapaian pengkomersialan hasil output penyelidikan, pembangunan dan informasi negara.

“Pembangunan ekosistem pengkomersialan akan menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi yang kompetitif di samping menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Tema yang dipilih juga selari dengan salah satu aspek yang diberi penekanan di bawah Dasar



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur diiringi Dr Ahmad Kushairi Din mendengar penerangan ketika melawat pameran sempena sambutan Hari Inovasi MPIC.

Komoditi Negara iaitu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi.

Ini termasuk aktiviti mempelbagaikan penghasilan produk bernilai tambah tinggi, mewujudkan jaringan kolaborasi R&D tempatan dan

antarabangsa, memajukan tanaman komoditi baharu serta penghasilan produk-produk baru dari bahan buangan komoditi.

Pada majlis berkenaan Datu Nasrun turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat MPIC dan Agensi yang diadakan pada September 2016 di

samping menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) tahun 2015. Dua kakitangan MPOB iaitu Mohd Abidin Zakaria dan Azizah Mokhri menerima PPC.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPIC, Toisin Gantor.

Ahmad Hamzah dilantik Pengerusi MPOB

➔ Pelantikan dijangka mampu rancak sektor sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Datuk Wira Ahmad Hamzah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkuatkuasa 1 September lalu.

Pelantikan berkenaan diumumkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong di sini, baru-baru ini.

Ahmad menggantikan Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, yang terkorban dalam nahas helikopter di Sarawak, pada Mei lalu.

Ahmad adalah bekas Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM), menjadi Pengerusi Kaukus Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TP-PA), yang ditandatangani kerajaan pada 4 Februari lalu dan juga Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Ne-



Mah menyerahkan surat lantikan Pengerusi MPOB kepada Ahmad di Putrajaya, baru-baru ini.

gara (PAC).

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin sejak 2008, turut berpengalaman sebagai Pengerusi di EV Marine PKNM Oil & Gas, Ekspo Melaka Sdn Bhd dan Equatorial Hotel Sdn Bhd.

Beliau turut dilantik sebagai EXCO Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Melaka

pada 1997 sehingga 1999.

Manakala pada tahun 1999 hingga 2004 beliau adalah EXCO Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri Melaka.

Miliki pengalaman luas

Pada 2004 sehingga 2008, beliau dilantik sebagai EXCO Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan

Keusahawanan dan Koperasi di negeri sama.

Selain itu, Ahmad juga adalah Timbalan Pengerusi di Southern Hospital, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), dan Inkubator K-ekonomi.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga di Teknologi Pembuatan

Melaka Sdn Bhd dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Jasin.

Sementara itu, Mah berkata, beliau yakin dengan pelantikan Datuk Ahmad yang berpengalaman luas termasuk dalam sektor perladangan itu dapat memberi impak positif dan merencanakan pembangunan sektor sawit.

MPOB fokus R&D inovasi baharu mekanisasi ladang



Ahmad berucap ketika merasmikan Seminar PILIPS dan PalmMech 2016 di Sandakan, baru-baru ini.

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Sandakan: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan terus fokus pada penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan inovasi baharu dalam menghasilkan jentera dan peralatan untuk kegunaan industri sawit.

Pengerusi MPOB, Datuk Wira Ahmad Hamzah berkata, MPOB membangunkan jentera ladang yang digunakan di ladang-ladang sawit.

“Usaha dipergiat untuk membangunkan jentera dan peralatan sesuai melalui penyelidikan bagi memudahkan kerja lapangan di samping meningkatkan kecekapan ladang dan produktiviti buruh,” katanya ketika merasmikan seminar Palm Industry Labour: Issues, Performance & Sustainability (PILIPS) dan Oil Palm Mechanisation (PalmMech) 2016 di sini, baru-baru ini. Katanya, dengan penubuhan Pu

sat Kejenteraan Ladang MPOB komited membangunkan teknologi baharu bagi memenuhi keperluan sektor perladangan sawit.

“Usaha dipergiatkan dalam membangunkan mesin dan peralatan yang sesuai bagi memudahkan kerja di ladang untuk meningkatkan produktiviti.

“Setakat ini, MPOB membangunkan lebih 35 teknologi dan beberapa telah dikomersialkan seperti Cantas, Grabber, Motosikal Trailer, Rhino dan Beluga.

Ahmad berkata, operasi perladangan sawit daripada penuaian, pemindahan buah tandan segar dan memuatkan ke laluan utama pengangkutan, aplikasi baja dan kawalan racun perosak, adalah le-

bih cekap hasil penggunaan teknologi mekanisasi.

Perkenal OPIMIS

Beliau berkata, bagi meningkatkan penggunaan mekanisasi, MPOB memperkenalkan Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 untuk meningkatkan produktiviti dan penggunaan jentera dalam operasi lapangan.

“Skim ini memberi diskaun sehingga 20 peratus daripada harga mesin di kilang kepada pembeli,” katanya sambil menambah pengiat industri perlu merebut peluang mengembangkan operasi mekanisasi mereka.

Seminar PILIPS dan PalmMech 2016 dihadiri lebih 250 peserta dari pelbagai agensi, organisasi dan pihak swasta yang berminat untuk mengetahui perkembangan terkini tentang sektor perladangan sawit terutama isu berkaitan tenaga kerja dan mekanisasi ladang.

Antara topik dibentang dalam Seminar PILIPS 2016 berkaitan tenaga buruh di sektor sawit, pengurusan pekerja asing dan cabaran dihadapi terutama dengan peningkatan kos pengambilan pekerja. Manakala PalmMech 2016 pula mengupas isu berkaitan teknologi mekanisasi sedia ada, potensi aplikasi teknologi baharu dan pengalaman pengurusan mekanisasi yang cekap.



Usaha dipergiatkan dalam membangunkan mesin dan peralatan yang sesuai bagi memudahkan kerja di ladang untuk meningkatkan produktiviti.”

Datuk Wira Ahmad Hamzah,
Pengerusi MPOB

Pencuci pelbagai guna berasaskan sawit

Dr Ismail Ab. Raman
ismail@mpob.gov.my

Larutan mikro emulsi adalah satu sistem koloid yang unik, di mana larutan yang terhasil dari campuran bahan-bahan metil ester sawit, surfaktan, ko-surfaktan dan air adalah transparan (jernih) atau translusen (jernih kebiruan).

Selain itu, larutan mikro emulsi mempunyai saiz partikel / zarah minyak antara 10nm - 100nm, kelikatan yang rendah dan adalah stabil pada suhu yang tinggi.

Sebagai perbandingan, larutan emulsi normal biasanya digambarkan sebagai larutan berwarna putih susu, saiz zarah atau partikel melebihi 500nm dan kurang stabil terhadap suhu.

Larutan mikroemulsi

Ciri yang sangat signifikan sebagai produk larutan mikroemulsi pencuci pelbagai guna adalah kemampuan (kapasiti) bagi menghapus dan membersihkan kotoran yang bersifat polar dan juga tidak polar.

Ciri-ciri sistem mikro emulsi ini menjadi tarikan kepada ramai penyelidik, pencipta formulasi, pengeluar

produk dan pengguna-pengguna bagi mengaplikasi sistem mikro emulsi untuk menghasilkan pelbagai produk bernilai tambah tinggi, seperti larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit ini.

Kajian penggunaan bahan sawit seperti bahan metil ester sawit, surfaktan, ko-surfaktan dan air di dalam sistem mikro emulsi sebagai larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna telah dijalankan oleh MPOB sejak beberapa tahun yang lalu.

MPOB berjaya menghasilkan beberapa produk pencuci pelbagai guna dengan mengguna beberapa jenis ko-surfaktan konvensional seperti

1,2 butanediol, 1,2 heksanediol, dan juga ko-surfaktan dipanggil gliserol mono-tert butil eter (GMTBE) yang telah dihasilkan oleh Penyelidik dari Unit Surfaktan dan Kimia Istimewa (SPD), AOTD, MPOB.

Oleh kerana, harga bahan 1,2 butanediol, 1,2 heksanediol dan GMTBE adalah mahal, larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit ini tidak dapat dihasilkan secara komersial.

Tambah baik formulasi

Pada tahun 2015, Dr Ismail Ab. Raman dan kumpulan penyelidikannya telah melakukan penambahbaikan kepada

formulasi-formulasi sedia ada dengan mengguna ko-surfaktan yang jauh lebih murah tetapi mempunyai keberkesanan yang tinggi bagi menghasilkan larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit.

Keberkesanan pencucian oleh larutan mikroemulsi yang mengandungi bahan berasaskan sawit sebagai pencuci pelbagai guna adalah lebih baik berbanding larutan pencuci komersial. Larutan mikro emulsi pencuci ini juga memberikan kesan kilauan atau 'shining effect' yang lebih lama berbanding larutan pencuci komersial.

Campuran lebih dari satu jenis surfaktan juga menunjukkan kesan

sinergi yang lebih baik sebagai larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berbanding larutan pencuci komersial.

Analisis kos menunjukkan bahawa anggaran kos bagi menghasilkan larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna adalah sangat rendah berbanding dengan larutan mikro emulsi pencuci yang telah dihasilkan dari kajian terdahulu.

Kelebihan lain larutan mikroemulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit adalah seperti bahan sawit dihasilkan semula jadi, mesra alam, takat bakar yang tinggi, dan kurang menyebabkan masalah kesihatan ber-

banding bahan terbitan petroleum. Nilai tambah larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit ini juga boleh ditingkatkan dengan mencampurkan bahan-bahan seperti bahan pembasmi serangga semula jadi, pencegah jangkitan dan pewangi di dalam larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna tersebut.

Teknologi terbaru ini telah dipamerkan semasa hari Seminar Pemindahan Teknologi, MPOB pada Jun 2016. Teknologi ini juga mendapat Anugerah Inovasi dan Persidangan dan Pameran ITEX pada Mei 2016 di Kuala Lumpur.

OPIMIS

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melancarkan skim insentif yang berbentuk pemberian geran bagi meningkatkan pemilikan dan penggunaan jentera untuk aktiviti perladangan sawit. Ia dikenali sebagai skim galakan mekanisasi industri sawit atau ringkasnya OPIMIS (Oil Palm Industry Mechanisation Incentive Scheme).

OBJEKTIF OPIMIS

Objektif OPIMIS adalah untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam sektor perladangan sawit Malaysia terutama melibatkan aktiviti penuaian, pengangkutan buah tandan segar, pemungghahan biji ralai dan penjagaan tanaman.



Skop OPIMIS

- Insentif ini terbuka kepada kepada pekebun kecil, estet, kontraktor ladang dan mereka yang terlibat dalam perladangan sawit di Malaysia.
- Geran yang diberikan akan menampung sehingga 20% harga kilang jentera atau peralatan ladang di mana pembekal-pembekal ini perlu mendaftar dengan MPOB.
- Jentera atau peralatan ladang yang layak dipertimbangkan untuk menyertai skim ini adalah yang baru, tersedia di pasaran dan berpotensi tinggi untuk meningkatkan produktiviti. Keutamaan adalah kepada teknologi baru yang dibangunkan dalam negara oleh rakyat/syarikat tempatan (home grown technology).

Panduan Umum

- Pemohon-pemohon sama ada pembekal (syarikat pembekal jentera) atau pengguna (pekebun kecil, estet dan kontraktor) boleh mendapatkan borang permohonan serta maklumat lain berkaitan OPIMIS di laman sesawang MPOB.
- MPOB mempunyai budi bicara mutlak untuk memutuskan sebarang pindaan kepada kriteria yang ditetapkan untuk insentif ini.

Tempoh Masa Pelaksanaan OPIMIS

Perlaksanaan OPIMIS adalah sepanjang Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan mengikut had belanjawan tahunan.



PERMOHONAN
DIBUKA
MULAI MEI 2016
SILA LAYARI
www.mpob.gov.my

Sekretariat OPIMIS, Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Pusat Penjenteraan Ladang, Stesen Penyelidikan Usahasama MPOB-UKM,
Pekan Bangli Lama, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 03-8920 1504 Faks: 03-8926 1852 E-mel: opimis@mpob.gov.my



Produk larutan mikro emulsi pencuci pelbagai guna berasaskan sawit.



Produk mikro emulsi pencuci pelbagai guna dipamerkan pada ITEX 2016.



11 - 12 Oktober 2016
Hotel Kinta Riverfront,
Ipoh, Perak

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT Memperkasakan Peranan, Memperjuangkan Harapan 2016

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kesedaran dan peranan semua pihak dalam rantai industri sawit ke arah kemampanan minyak sawit.
2. Menyampaikan teknologi baru berkaitan dengan penanaman dan integrasi sawit.
3. Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman antara pekebun kecil, agen pembangunan dan penyelidik.

PENDAFTARAN

Rubaah Masri / Salmah Hussin
Tel : 03-8769 4567 / 03-8769 4873
Faks : 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel : rubaah@mpob.gov.my / salma@mpob.gov.my

PERTANYAAN LAWATAN

Khairuman Hashim
Tel : 03-8769 4984
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my

PERTANYAAN TEKNIKAL

Hamdan Abu Bakar
Tel : 03-8769 4551
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my

Nazirah Che Jaafar / Ainul Shazwin
Shahidan
Tel : 03-8769 4234 / 03-8769 4497
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
www.mpob.gov.my

Sila layari www.mpob.gov.my untuk mendapatkan borang dan hantar sebelum 1 Oktober 2016

Forum MPOB-EMPA bincang isu industri sawit Sabah

Bertujuan menangani isu yang dihadapi sektor perladangan sawit

Oleh Mohd Hefni Rusli
mohd.hefni@mpob.gov.my

Sandakan

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Peladang Malaysia Timur (EMPA) telah mengadakan forum bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan dengan industri sawit negara di sini, baru-baru ini.

Forum dipengerusikan secara bersama oleh Timbalan Ketua Pengerah Perkhidmatan MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman dan Pengerusi EMPA, Masri Pudin.

Forum disertai 30 orang terdiri



Mohamad Nor Abdul Rahman (kiri) dan Masri Pudin ketika mempengerusikan Forum MPOB-EMPA.

pemilik dan pengilang kelapa sawit serta pegawai MPOB.

Mohamad Nor berkata, forum diadakan bertujuan meningkatkan interaksi secara berterusan di antara MPOB dengan EMPA serta bertukar pandangan bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh sektor perladangan sawit negara terutamanya di Sabah.

Forum berkenaan membincangkan beberapa isu penting berkait-

tan Skim Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO), penggunaan biodiesel, penyakit Ganoderma, kemudahan penyimpanan tambahan bagi minyak sawit mentah, penggunaan mekanisasi, masalah pekebun kecil, biogas dan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Mohamad Nor turut menyentuh mengenai penstabilan harga minyak sawit mentah (MSM) dan



Forum diadakan bertujuan meningkatkan interaksi secara berterusan di antara MPOB dengan EMPA"

Mohamad Nor Abdul Rahman,
Timbalan Ketua Pengerah Perkhidmatan MPOB

buah tandan segar (BTS) pada tahun 2016 hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan seperti Skim Insentif Tanam Semula (SITS 2015) dan program biodiesel B10 yang akan dilancarkan pada penghujung tahun 2016.

Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS) juga dilaksanakan bertujuan menambah penggunaan biodiesel sawit bagi mengurangkan stok minyak sawit dan menyumbang kepada pengukuhan harga minyak sawit. Selain itu, faktor seperti El-Nino turut mempengaruhi harga minyak sawit mentah (MSM) dan

buah tandan segar (BTS) di pasaran.

Isu berkaitan dengan kemudahan pemerangkapan biogas dan MSPO turut dibincangkan pada forum ini.

Mohamad Nor berkata, secara keseluruhannya terdapat 89 loji biogas yang telah siap dibina di seluruh Malaysia dimana 12 loji biogas di Semenanjung dan empat loji biogas di Sabah sudah beroperasi dan membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan.

MSPO dilaksana seluruh negara

Dalam pada itu, MPOB turut menyatakan bahawa Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) telah dibentuk dan bertanggungjawab untuk memantau serta menguruskan aktiviti berkaitan MSPO menerusi sesi taklimat dan latihan bagi pelaksanaan MSPO di seluruh negara.

Pengerusi EMPA, Masri Pudin menyatakan, MPOB dan EMPA perlu bekerjasama menyebarkan maklumat dan latihan mengenai MSPO kepada semua pekebun kecil di Sabah.

Di samping itu, EMPA juga berharap agar perhatian turut diberikan kepada pekebun berskala sederhana agar tidak terpinggir daripada mendapat insentif yang sewajarnya.

Masri turut menyuarakan kebimbangan beliau terhadap peningkatan penyakit Ganoderma di Sabah dan limitasi penggunaan jentera di kawasan bercerun tinggi di pedalaman Sabah.

MPOB menang KIK 2016 kategori Pengurusan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sekali lagi dinobatkan sebagai juara di Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bagi kategori Pengurusan dan tempat kedua bagi kategori Teknikal.

Hadiah bagi juara KIK disampaikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur sempena sambutan Hari Inovasi dan Perhimpunan Bulanan MPIC, baru-baru ini.

Sebanyak enam pasukan KIK menyertai Konvensyen ini bagi dua kategori iaitu kategori Teknikal dan Pengurusan. Pasukan MPOB dikenali CESS Team dengan projek 'Transaksi Kutipan Wang Ses Dikesan' telah memenangi kategori Pengurusan sementara bagi kategori teknikal pasukan V-Bio-mas dengan projek 'Penggunaan Batang Sawit Tidak Optimum dalam Pembuatan Papan Gantian' mendapat tempat kedua.

Kumpulan CESS Team dianggotai tujuh peserta yang diketuai Yuslinda Yusof membentangkan pro-



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur diiringi Datuk M. Nagarajan dan Dr. Ahmad Kushairi Din bersama ahli kumpulan CESS Team yang menjuarai kategori Pengurusan KIK MPIC.

jek 'Transaksi Kutipan Wang Ses Sukar Dikesan' berikutan transaksi wang ses yang tidak dapat dikesan akan menjadi satu isu besar jika tidak ditangani.

Berdasarkan rekod, bilangan pembayar dalam sistem perakaunan MPOB sering menunjukkan blangan penghutang yang tinggi walau pun bayaran telah dikemukakan hingga menyebabkan jumlah wang menunjukkan lebihan akibat transaksi tanpa identiti namun ia tidak boleh digunakan dan terpaksa dibekukan.

Projek ini memberi impak positif kepada MPOB dan industri kerana berjaya menurunkan kadar transaksi tanpa identiti, penurunan kos operasi tahunan, penjimatan sumber manusia, meningkatkan output serta khidmat mengurus percuma.

Di samping itu, ia memberi maklumat kepada pelanggan tentang kaedah bayaran, meluaskan pengetahuan mengenai pembayaran wang ses dan memberi perkhidmatan yang lebih cekap.

Ahli lain CESS Team ialah Nurul

Asyikin Mohd Azanan, Hafsa Abdul Rani, Nur Amirah Suid, Noralfaziana Ahmad, Nor Syaida Abdul Halim Dan Mohd Solah Deraman.

Sementara itu, kumpulan V-Bio-mas yang dianggotai oleh Dr. Anis Mokhtar (Ketua Kumpulan), Dr. Kamarudin Hassan, Dr. Fazliana Abdul Hamid, Zawawi Ibrahim, Hel-mifairuz Ahmad Mohsan, Suchirah Ratmin, Sri Rahayu Mohd Nor, Shahrin Ahmad, Mohd Juber Othman dan Raja Nurhazwani Raja Zainal Abidin membentangkan projek 'Penggunaan Batang Sawit Tidak

Optimum dalam Pembuatan Papan Gantian'.

Projek dibangunkan berikutan masalah yang berlaku di kilang pemprosesan papan lapis berasaskan batang sawit yang mana jumlah sisa/reja yang dibuang dianggarkan sebanyak 60% dan hanya 40% digunakan sebagai bahan mentah untuk penghasilan papan lapis. Anggaran kos yang dibazirkan RM70,600 sebulan sekiranya kilang menggunakan 100 batang sawit sehari.

Tujuan projek ini adalah memaksimumkan penggunaan sisa/reja tersebut dengan penghasilan satu produk inovatif iaitu 'sandwich board' dengan sasaran penggunaan sisa sebanyak 80%. Ini dapat menjimatkan kos pembuangan sisa sebanyak RM60,800 sebulan.

Projek ini memberi impak positif kepada pihak industri, MPOB dan alam sekitar terutamanya mengurangkan pencemaran sampah di kilang serta pencemaran udara kerana tiada pembakaran sisa dilakukan.

Projek ini juga disasar dapat ngekalikan kawasan hutan dengan adanya sumber bahan alternatif dari ladang sawit di samping meningkatkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan dan pelaburan dalam sektor industri hiran sawit.

Forum bincang industri sawit global

→ Program platform sampai maklumat terkini industri sawit di luar negara

Oleh Hisham Hussain dan Rafizah Mazlan
hishamhussain@mpob.gov.my
rafizah@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Forum bersama pihak industri sawit Malaysia dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersempena Program Suai Kenal Minyak Sawit 2016 (POFP 2016) diadakan di sini baru-baru ini.

Forum yang dipengerusikan Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, Balu Nambiappan turut dihadiri Pengarah Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.

Forum interaksi itu berjaya menarik minat lebih 80 orang peserta terdiri daripada syarikat terkemuka minyak sawit dari seluruh negara yang berminat untuk mengetahui perkembangan terkini berkenaan industri sawit di luar negara.

Di samping itu, wakil Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan Persatuan Kilang-Kilang Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) turut hadir dalam sesi tersebut untuk mengetahui lebih lanjut perkembangan pasaran produk siap sawit Malaysia di negara-negara pengimport.

Balu Nambiappan dalam ucapan pembukaan program itu berkata,



Pembentang kertas kerja dari pelbagai negara pada forum sempena POFP 2016.

beliau amat mengalu-alukan kehadiran pihak industri sawit dalam menjayakan forum berkenaan dan menunjukkan komitmen dalam memajukan industri sawit negara di samping ingin mendapat maklumat yang lebih terperinci dan mendalam terhadap perkembangan pasaran dan isu industri sawit yang timbul di negara pasaran utama dunia.

Platform terbaik dapatkan maklumat

Katanya, program tersebut adalah platform terbaik yang dapat memberi peluang kepada pihak industri untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada peserta POFP 2016 yang didatangkan dari negara-negara pengimport minyak

sawit di seluruh dunia.

“Forum seperti ini adalah salah satu inisiatif penting anjuran MPOB dimana ia merupakan salah satu platform yang membolehkan interaksi dua hala antara pengguna minyak sawit global yang diwakili oleh para peserta POFP 2016 dengan pihak industri sawit di Malaysia” katanya.

Sebanyak empat pembentangan kertas kerja telah diadakan yang disampaikan oleh peserta daripada Belgium, India, China dan Mesir.

Pada sesi pembentangan tersebut, pembentang daripada India dan China menyatakan khasiat pemakanan minyak sawit yang dapat membantu dalam penghasilan produk makanan dan bukan ma-



Forum seperti ini adalah inisiatif penting anjuran MPOB yang membolehkan interaksi dua hala antara pengguna minyak sawit global”

Balu Nambiappan,
Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB

kanan yang lebih bermutu tinggi.

Di samping itu, pembentang dari Belgium turut memaklumkan bahawa negara-negara Eropah amat mementingkan isu kelestarian dan alam sekitar dalam penghasilan minyak sawit yang mampan. Beliau turut menyokong pengwujudan standard Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) yang diperkenalkan untuk menjamin kemampanan minyak sawit daripada pengeluaran di Malaysia.

Dalam sesi interaksi yang diadakan, peserta turut bertukar pandangan berkaitan perdagangan minyak sawit di seluruh dunia dan diharapkan bahawa interaksi ini dapat mempertingkatkan lagi pasaran minyak sawit Malaysia ke seluruh dunia.

IDOPMT tarik minat peserta luar negara



Sebahagian peserta yang mendaftar mengikuti IDOPMT 2016.

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Bangi: Kursus Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology 2016 (IDOPMT) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya menarik minat peserta daripada 15 negara luar sejak mula diadakan pada tahun 1999.

IDOPMT adalah program tahunan anjuran MPOB yang menyediakan latihan teknikal merangkumi teknologi dan aspek penguasaan ladang sawit.

Pengarah Bahagian Penyelidikan Biologi MPOB, Dr Norman Kamarudin ketika berucap mewakili Ketua Pengarah MPOB berkata, program berkenaan sentiasa ditambah

baik bagi memenuhi keperluan semasa pihak industri.

“Kurikulum kursus memenuhi keperluan pengurus ladang, penyelia dan pengurusan ladang sawit,” katanya pada majlis perasmian kursus berkenaan di sini, baru-baru ini.

Katanya, diploma yang dianjurkan adalah aset yang bernilai untuk kemajuan kerjaya individu dalam industri perladangan kerana ia membantu majoriti peserta yang lalu untuk kenaikan pangkat serta mendapatkan kenaikan emolument.

“IDOPMT turut menyediakan peluang untuk berinteraksi di kalangan peserta bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

“Interaksi dan perkongsian pengalaman dengan rakan-rakan pe-

serta dari pelbagai organisasi dan negara akan meningkatkan lagi pengetahuan dalam pengurusan sawit dan teknologi,” katanya.

Beliau berharap perkongsian maklumat terkini akan memberi inspirasi kepada peserta untuk berusaha bagi mengembangkan industri sawit.

“Saya percaya, pengetahuan baharu dan teknologi inovatif yang diperoleh sepanjang kursus ini akan memberi manfaat dan ganjaran sepanjang kerjaya peserta,” katanya.

Dalam usaha untuk menyediakan kesan maksimum, kursus ini mempelbagaikan kaedah penyampaian ilmu kepada peserta. Ini termasuk kuliah, kerja berkumpulan, lawatan tapak, latihan praktikal, tugasan dan pembentangan projek kursus.



Minyak sawit pilihan utama pengeluar

➔ Ramuan penting dalam kebanyakan produk makanan

Mengapa minyak sawit adalah begitu menarik kepada pengeluar makanan?

Minyak sawit merupakan salah satu ramuan penting di dalam kebanyakan produk makanan. Undang-undang baru di kebanyakan negara yang menggalakkan pelabelan kandungan ramuan yang mengandungi GMO, dan tuntutan kandungan bebas lemak trans dalam bekalan makanan, merupakan antara penyebab pengeluar makanan menggunakan ramuan semula jadi yang tidak mengandungi GMO. Hampir keseluruhan minyak sawit yang diimport ke Amerika Syarikat adalah diperakui ditanam secara mampan di Malaysia.

Minyak sawit mampan dari Malaysia mempunyai banyak kelebihan. Walaupun kempen anti minyak sawit telah mencapai ke kemuncaknya pada akhir tahun 1990an, kesan buruk minyak sayuran separa hidrogenasi (yang menghasilkan lemak trans) terhadap kesihatan pengguna telah memberikan impak ke atas import minyak sayuran asli, terutamanya minyak sawit. Ini kerana minyak sawit tidak perlu melalui proses penghidrogenan, oleh itu bebas dari lemak trans. Akhir-akhir ini, tahap penggunaan minyak sawit telah berkembang kepada lebih daripada satu juta tan di Amerika Syarikat sahaja.

Pilihan pengeluar makanan

Mengapa minyak sawit menjadi pilihan pengeluar makanan?

Makanan ringan haruslah mempunyai jangka hayat yang panjang selepas proses pembungkusan. Dalam penyelidikan utama yang ditaja oleh Kesatuan Eropah, minyak bunga matahari yang mengandungi asid oleik minyak asid tinggi telah diuji di dalam pembuatan makanan ringan. Minyak sawit juga digunakan sebagai standard rujukan. Kedua-dua jenis minyak tersebut menunjukkan prestasi yang baik. Walau bagaimanapun, produk yang terhasil dengan menggunakan olein sawit mempunyai jangka hayat yang lebih panjang, dan juga terbukti jauh lebih murah.

Mengapakah ini amat penting? Satu kajian yang diterbitkan pada tahun 2013 juga menunjukkan bahawa olein sawit mempunyai ke-



Walau bagaimanapun, produk yang terhasil dengan menggunakan olein sawit mempunyai jangka hayat yang lebih panjang, dan juga terbukti jauh lebih murah”

san yang sama seperti minyak zaitun ke atas kolesterol.

Mengapa minyak sawit lebih menjimatkan?

Minyak sawit lebih murah untuk dihasilkan. Ianya dihasilkan melalui proses pensterilan dan pemerahan, seterusnya melalui proses penapisan dan pemeringkatan yang lebih menjimatkan berbanding dengan minyak sayuran lain.

Tanaman jangka panjang

Hasil dari tanaman sawit juga adalah lebih tinggi bagi setiap hektar berbanding minyak sayuran yang lain. Sawit merupakan tanaman jangka panjang yang boleh dituai sepanjang tahun. Produktiviti tanaman sawit yang tinggi membuatkan minyak sawit lebih menguntungkan berbanding minyak sayuran lain - yang mana telah diberi subsidi oleh kerajaan negara pengeluar di dalam pelbagai cara.

Bagaimana pula dengan kebimbangan alam sekitar dikaitkan dengan penanaman kelapa sawit?

Minyak sawit dihasilkan secara mampan yang boleh dibuktikan melalui pensijilan bebas. Pensijilan tersebut mengesahkan bahawa minyak sawit dihasilkan secara mampan dari ladang yang tidak menjejaskan alam sekitar. Secara tidak langsung, pensijilan ini juga telah menangani kebimbangan sesetengah pengguna mengenai penukaran hutan dan pengeluaran gas rumah hijau.

2ND ANNOUNCEMENT
POTS[®]
MALAYSIA PALM OIL
TRADE FAIR & SEMINAR
12-13 OCTOBER 2016 • KUALA LUMPUR, MALAYSIA

OVERCOMING CHALLENGES,
MAXIMIZING PROFITS

Register and participate

NOW

and stand a chance

to win iPad Mini

or a Apple Watch !



For more information, please contact:
Malaysian Palm Oil Council | Tel : +603-7806 4097
Malaysian Secretariat | Fax : +603-7806 2272

Muhammad Kharibi
kharibi@mpoc.org.my

Mohd Izham
izham@mpoc.org.my

ORGANISED BY :



(MPOC) Malaysian Palm Oil Council

Kebaikan minyak sawit dari segi pemakanan

Elaeis Guineensis ataupun popular dengan namanya sawit berasal dari Afrika Selatan. Lalu bagaimanakah sawit tersebut boleh berada di negara Malaysia yang jauh beribu-ribu batu dari negara itu? Hal ini adalah melalui satu cara iaitu penanaman biji benih sawit dari satu tempat ke tempat yang lain.

Tamsilnya dari Afrika ke Indonesia dan seterusnya ke Malaysia. Pada tahun 1917, benih kelapa sawit Dura (tempurung tebal) dari Rantau Panjang, Selangor mula ditanam di Ladang Tenmaran, Kuala Selangor. Siapa sangka 80% daripada minyak sawit yang dihasilkan digunakan dalam pembuatan makanan.

Terdapat tiga bahan utama yang dihasilkan daripada buah sawit yang telah diproses di kilang iaitu isirung sawit, minyak isirung dan minyak sawit mentah. Namun persoalannya, apakah kebaikan minyak sawit dari segi pemakanan?

Antara masalah yang boleh diperoleh ialah kaya dengan kehadiran anti oksidan semula jadi. Anti oksidan adalah kelompok vitamin, mineral dan enzim yang membantu melindungi tubuh dari radikal bebas.

Menurut kajian baru-baru ini oleh Professor KK Carroll dari Pusat untuk Pemakanan Manusia, University of Western Ontario dan David Kritchevsky, Institut Wistar menyatakan tokotrienol dalam minyak sawit adalah agen anti kanser yang berkesan dan memberikan justifikasi yang mencukupi untuk ujian klinikal kepada pesakit kanser.

Seterusnya minyak sawit mempunyai kolestrol yang baik. Pada masa ini, pakar pemakanan mengesyorkan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Aliana Izzatie
Mohammad Nizam
MRSM Pengkalan Hulu,
Pengkalan Hulu, Perak

orang ramai memilih pemakanan rendah kalori yang dikira baik untuk kesihatan jantung.

Kajian menyatakan bahawa minyak sawit merah mampu mengembalikan pengerasan arteri dengan membuang plak. Jika dibandingkan dengan sumber-sumber tradisional lemak tepu lain seperti minyak kelapa, tenusu dan lemak haiwan, penggunaan minyak sawit dapat mengurangkan kolestrol dalam darah berbanding dengan sumber lemak tepu lain.

Terdapat satu kandungan iaitu olein yang terbukti mampu mengekalkan paras kolestrol serta menghindari kita daripada risiko penyakit jantung. Memang tidak dapat dinafikan lagi minyak sawit dapat mengurangkan tahap kolestrol dalam darah dan risiko penyakit jantung.

Di samping itu, sawit adalah bukan lemak trans. Lemak trans adalah lemak hidrogenasi dicipta semasa proses penghidrogenan yang menukarkan minyak

sayur-sayuran cecair kepada pepejal minyak. Lemak trans tidak terlalu penting berbanding dengan lemak pemakanan. Lemak adalah sumber yang membolehkan fungsi yang sepatutnya sel-sel dan sistem saraf, akan tetapi tidak digalakkan kerana berkemampuan untuk membahayakan kesihatan diri kita.

Pengambilan lemak trans boleh meningkatkan risiko penyakit jantung dengan meninggikan tahap buruk kolestrol LDL dan mengurangkan tahap baik HDL kolestrol. Lemak trans yang terhasil dari minyak separa hidrogenasi lebih berbahaya dari minyak semula jadi.

Manakala lemak tidak tepu boleh didapati daripada sawit. Lemak tidak tepu dibahagiakan kepada lemak monotidaktepu dan polididaktepu. Kedua-dua jenis lemak ini mempunyai kesan yang lebih baik terhadap tahap kolestrol kita. Lemak mono tidak tepu membantu kolestrol LDL yang lebih rendah di samping meningkatkan kolestrol LDL. Jelaslah terbukti bahawa minyak sawit mampu menjaga tahap kesihatan individu.

Sebelum mengakhiri diskusi ini, kita harus tahu apabila kita berbincang mengenai makanan, maka perkara tersebut mesti berkait rapat dengan kesihatan. Jadi kita perlulah bijak dalam memilih pemakanan.

Kebanyakan makanan mengandungi lemak yang dapat dilihat dan tersembunyi serta mengandungi campuran asid lemak.

Hasil kajian menyatakan kandungan asid myristik yang tinggi dalam kelapa dan lemak tenusu adalah penyebab utama peningkatan kolestrol dalam darah.

Industri sawit antara penyumbang utama peningkatan ekonomi negara

Industri sawit mampu terus berkembang dan mencapai prestasi yang baik melalui siasah yang dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Antara siasah yang dilaksanakan oleh MPOB ialah rancangan buangan sifar, rancangan pendapatan tinggi dan rancangan nilai tambah sejurus dapat menokok pendapatan untuk sektor sawit negara.

Pada tahun 2015, sektor industri sawit telah meraih pendapatan sebanyak RM62 bilion. Hal ini telah membuktikan industri sawit tersenarai sebagai salah satu penyumbang ekonomi negara.

Selain itu, pendapatan eksport produk komoditi untuk tempoh enam bulan pertama untuk tahun ini (2016), menunjukkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus iaitu RM56.3 bilion berbanding RM54.5 bilion untuk tempoh yang sama pada tahun lalu.

Harga minyak sawit mentah mencecah RM2,798 satu tan berbanding RM2,517 sebelum ini, manakala harga buah tandan segar turut menunjukkan peningkatan sebanyak 15.9 peratus iaitu RM546 satu tan kepada RM655 satu tan.

Hal ini tidak mudah dicapai sekiranya tiada usaha dan langkah-langkah untuk mempergiatkan lagi produk komoditi ini.

Oleh demikian, pelbagai langkah dan pendekatan baharu diperingkat hulu dan hiliran perlu dilaksanakan supaya industri sawit kekal mampan dan seterusnya menjana pendapatan ekonomi negara.

Minyak sawit mempunyai banyak kegunaan sama ada dalam industri makanan dan bukan maka-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Noor Farain Kasim
Taman Intan,
Kluang, Johor

dieksport sebanyak 2.85 juta tan metrik yang bernilai RM11.29 bilion.

Produk utama yang dieksport adalah hasil lemak (33%), lemak alkohol (20%), metil ester (17%), 'soap noodles' (16%) dan gliserin (13%). Baru-baru ini, Menteri Perusahaan perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong merasmikan bangunan baharu Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD) di Ibu Pejabat MPOB. Bangunan AOTD merangkumi kemudahan asas penyelidikan yang terdiri daripada loji rintis, makmal dan inkubator untuk penyelidikan dalam bidang oleokimia dan pengkomersialan teknologi.

Seterusnya, industri sawit dapat membuktikan sebagai salah satu penyumbang terbesar ekonomi negara dengan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil dan juga pekebun baharu. Antara bantuan yang diberikan ialah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSSPK) dan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). TBSPK diberikan kepada pekebun kecil yang membuka kawasan baru sawit di mana nilai siling bantuan tidak melebihi RM7,500 sehektar untuk semenanjung dan RM 9000 sehektar untuk Sabah dan Sarawak, termasuk kos pembiayaan seperti penyediaan tanah, pembelian anak benih sawit berkualiti, baja dan racun perosak.

Amalan Pertanian Baik juga dapat meningkatkan hasil sawit menerusi penggunaan benih sawit yang berkualiti tinggi, teknik pembajaan, kawalan rumput, kawalan serangga perosak dan kaedah penuaian buah sawit.

Oleokimia juga merupakan salah satu alternatif untuk sumber tenaga pada masa hadapan. Pada tahun 2015, produk oleokimia

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OKTOBER 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Minyak sawit dikenali seantero dunia. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
⊙ Hadiah Pertama: **RM250**
⊙ Hadiah Kedua: **RM200**
⊙ Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Misi ekonomi dan teknikal ke luar negara bantu perkukuh imej industri sawit Malaysia. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan November 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan September 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Aliana Izzatie
Mohammad Nizam
MRSM Pengkalan Hulu
Pengkalan Hulu, Perak

Hadiah Kedua
Adilah Aiman Zafir Khan
MRSM Pengkalan Hulu
Pengkalan Hulu, Perak

Hadiah Ketiga
Mahfuzah Mahmud
SM Sains Setiu
Setiu, Terengganu

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Noor Farain Kasim
Taman Intan
Kluang, Johor

Hadiah Kedua
Hadiah Kedua
Norsuraya Shawal
Felda Kledang
Kota Tinggi, Johor

Hadiah Ketiga
Nor Asiah Che Ahmad
Kg. Cherang Ruku Semerak
Pasir Puteh, Kelantan

Syarat Penyertaan

- ⊙ **Kategori 1: Pelajar sekolah menengah** Tingkatan 1 hingga 5
- ⊙ **Kategori 2: Awam** Berusia 18 tahun ke atas
- ⊙ Bukan kakitangan MPOB
- ⊙ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ⊙ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ⊙ Keputusan juri adalah muktamad
- ⊙ Tarikh tutup penyertaan ialah pada **21 Oktober 2016**
- ⊙ Hantarkan penyertaan ke alamat: **Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor** u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong bersama wakil industri minyak dan lemak di Brussels, Belgium yang ditemui sempena Misi Promosi dan Teknikal ke Eropah baru-baru ini. Turut kelihatan Duta Besar Malaysia ke Belgium/Luxembourg, Dato' Hasnudin Hamzah (hadapan, enam dari kanan); Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk M. Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (tengah) mendengar penerangan mengenai minyak masak sawit daripada Dr. Ahmad Kushairi Din yang dipamerkan sempena MPOB Technical Seminar (MtecS) di Yangon, Myanmar.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur bersama pegawai MPOB yang menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) sempena Hari Inovasi MPIC 2016. Turut kelihatan Datuk M. Nagarajan dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Toisin Gantor.



Pengerusi MPOB, Datuk Wira Ahmad Hamzah meneliti pemotong sawit mekanikal yang dipamerkan sempena seminar Palm Industry Labour: Issues, Performance & Sustainability (PLIPS) dan Oil Palm Mechanisation (PalmMech) 2016 di Sandakan, Sabah sambil mendengar penerangan daripada Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman (dua dari kiri).



Datuk Wira Ahmad Hamzah mengisi biodiesel sawit ketika lawatan pertama beliau ke Ibu Pejabat MPOB. Lawatan beliau diiringi Dr. Ahmad Kushairi Din.